

Pelajar Kelantan mahir kuasai Inggeris

KOTA BHARU: Angkasawan Negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor, kagum dengan pelajar di negeri ini yang sudah menunjukkan peningkatan dalam menguasai bahasa Inggeris berbanding sebelum ini.

Katanya, mereka kini sudah berani melontarkan soalan serta berinteraksi dalam bahasa Inggeris dengan baik, sekali gus membuktikan pelajar terabit sudah mengetahui mengenai kepentingan menguasai bahasa global itu, selain bahasa Melayu sendiri.

"Sudah beberapa kali saya ke Kelantan dan setiap kali di negeri ini, saya merasa seronok terutama dengan sambutan meriah dan kali ini, saya dapati pelajar di negeri ini sudah mampu

FAKTA NOMBOR
1,000
hadir
Seminar Kerjaya Bersama
Angkasawan Negara anjuran
The Oxford Centre

menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

"Saya amat kagum dengan keupayaan mereka yang fasih berinteraksi dalam bahasa Inggeris terutama ketika mengajukan pelbagai soalan dan ini baik kepada mereka kerana penguasaan bahasa berkenaan membolehkan mereka berada di pentas global.

"Saya berharap pelajar di negara ini khususnya di kawasan pedalaman perlu menguasai bahasa Inge-



SHEIKH MUSZAPHAR ketika menjawab soalan pelajar di Kelantan Trade Centre (KTC), Kota Bharu.

ris dengan baik kerana ia kini menjadi bahasa utama dunia terutama dalam industri angkasa lepas," katanya selepas menyampaikan ceramah pada Seminar Kerjaya Bersama Angkasawan Negara anjuran The Oxford Centre,

yang dihadiri hampir 1,000 pelajar dari sekolah terpilih di negeri ini.

Sementara itu, Dr Sheikh Muszaphar berkata, jadual kerjanya berjalan seperti biasa walaupun sudah mendirikan rumah tangga dengan pakar bus Hospital

Selayang, Dr Halina Mohd Yunos.

Katanya, beliau masih sibuk dengan ceramah yang dijadualkan dan perlu melaksanakannya sebaik mungkin sebelum berangkat menunaikan haji bersama Dr Halina.

Sakit Puan dan Perbidanan KSH, Dr Khaled Mat Hassan.

Beliau berkata, trend penyakit itu semakin meningkat dan kadar penghidap barah itu di negara ini dianggap serius iaitu seorang bagi setiap 12 wanita atau nisbah 1 : 12.

"Persepsi penyakit barah payudara hanya menyerang golongan wanita perlu diubah kerana golongan lelaki juga mempunyai risiko.

"Kajian yang dijalankan pada 2002 menunjukkan 56 kes dicatat membabitkan lelaki dan 24 kes pada 2003," katanya.

Sementara itu, ibu tiga anak, yang disahkan mengidap penyakit itu dua tahun lalu, Lee A Jin, 53, berkata tanpa mengambil masa yang lama dia terus bersetuju mendapatkan rawatan doktor.

"Saya bertuah kerana ketika itu, sel barah masih peringkat awal dan menerima keputusan doktor supaya menjalani pembedahan," katanya.